



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Bahasa **Unleashing Potentials**
Shaping the Future

E-ISSN: 2682-7948

Buletin APB

EDISI 11

NOVEMBER 2023

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN





Festival Bahasa 2023 (FESTBA 2023)

**SYAHIRAH ALMUDDIN, NORSHIDA HASHIM, SITI NUR DINA HAJI MOHD ALI,
ANIS SHAHIRA BAZLAN & NURULNABILAH ABDUL AZIZ**

UiTM KAMPUS KUALA PILAH

Festival Bahasa merupakan sebuah program kolaborasi di antara Persatuan Bahasa Arab (PBA) dan Eagles English Club (Kelab EAGLES) dengan kerjasama Akademi Pengajian Bahasa Kampus Kuala Pilah yang dilaksanakan pada setiap semester. Program ini telah berjaya dilaksanakan pada semester-semester sebelum ini secara dalam talian dan bersemuka. Program ini telah mendapat sambutan yang hangat daripada para mahasiswa dan mahasiswi UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah. Berikutan kejayaan itu, Persatuan Bahasa Arab dan Eagles English Club sekali lagi telah menganjurkan program ini yang dikenali dengan nama FESTBA2023. Program ini telah dijalankan bermula 5 Jun sehingga 16 Jun 2023 dengan menyasarkan penglibatan daripada mahasiswa dan mahasiswi UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah dan murid-murid Sekolah Kebangsaan Dato' Inas, Johol.

Terdapat sedikit kelainan dalam program FESTBA yang diadakan pada kali ini. Hal ini kerana, program yang telah dijalankan melibatkan program FESTBA di dalam kampus dan program kemasyarakatan FESTBA di Sekolah Kebangsaan Dato' Inas Johol yang melibatkan murid sekolah sebagai peserta. Pada semester Mac 2023-Ogos 2023, PBA telah menerajui program ini di bawah pimpinan Puan Syahirah Almuddin dan Puan Norshida Hashim yang merupakan penasihat PBA, bersama dengan ahli jawatankuasa PBA di bawah pimpinan Saudari Nur Fatimah Noorazlan, yang juga merupakan pengarah program FESTBA2023 kali ini. Program ini turut dijayakan oleh Puan Siti Nor Dina Haji Mohd Ali, Puan Anis Shahira Bazlan dan Puan Nurulnabilah Abdul Aziz selaku penasihat Eagles English Club.

Seramai 40 orang ahli jawatankuasa dari PBA dan Kelab EAGLES telah bersama-sama merancang dan menjalankan program ini dengan jayanya. Program ini telah melibatkan perbincangan antara dua kelab (PBA dan Kelab EAGLES) bersama penasihat dari kedua-dua kelab bagi memastikan program berjalan dengan lancar. Selain itu, kerjasama dari pihak universiti yang terlibat termasuk Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), Unit Fasiliti, Unit Infotech, para pensyarah Akademi Pengajian Bahasa, guru-guru SK Dato' Inas, Johol yang telah menyumbang bakti secara langsung dan telah banyak membantu menjayakan Program FESTBA2023 kali ini.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk mencungkil bakat yang ada pada para mahasiswa dan mahasiswi di UiTM Kampus Kuala Pilah dan murid Sekolah Kebangsaan Dato' Inas dengan menyediakan satu ruang dan medan bagi mereka meningkatkan penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa ketiga (Bahasa Arab dan Bahasa Mandarin) dalam komunikasi harian. Program ini juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif para mahasiswa dan mahasiswi dalam menyelesaikan masalah dan tugas yang diberi. Hal ini secara tidak langsung dapat membentuk peribadi para mahasiswa dan mahasiswi untuk mempunyai semangat berdaya saing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seiring dengan visi UiTM dalam melahirkan graduan yang versatile serta mampu mencapai kecemerlangan dalam semua aspek termasuk bahasa.

Pelbagai pertandingan menarik telah dirancang bagi menarik minat dan perhatian para pelajar untuk menyertai program ini. Terdapat empat pertandingan yang telah diadakan di bawah kategori individu manakala, enam pertandingan di bawah kategori kumpulan yang melibatkan ketiga-tiga bahasa (Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan Bahasa Mandarin). Sebanyak sembilan pertandingan telah dijalankan di Kampus Kuala Pilah manakala terdapat satu pertandingan (Drama Musikal) telah dijalankan di peringkat sekolah (SK Dato' Inas). Pertandingan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

1. Al-Tahjiah (Bahasa Arab - Individu)
2. Tiktok Video Competition (Bahasa Arab - Berkumpulan)
3. Kuiz Bahasa Arab (Bahasa Arab - Berkumpulan)
4. A Way To Be A Reporter (Bahasa Inggeris - Individu)
5. Spelling Bee (Bahasa Inggeris - Individu)
6. Kaligrafi Cina (Bahasa Mandarin - Individu)
7. Kuiz Mandarin (Bahasa Mandarin - Berkumpulan)
8. Explorace (Bahasa Arab, Bahasa Inggeris & Bahasa Arab – Berkumpulan)
9. Pilahdelphian's Voice (Bahasa Arab, Bahasa Inggeris & Bahasa Mandarin - Berkumpulan)
10. Drama Musikal (Bahasa Arab, Bahasa Inggeris & Bahasa Mandarin – Berkumpulan)

Semua aktiviti dijalankan secara bersemuka selepas waktu kuliah. Hal ini bagi membolehkan lebih banyak penyertaan dari pelajar UiTM Kampus Kuala Pilah untuk menyertai pertandingan tanpa mengganggu jadual kuliah yang berlangsung. Program ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan dengan 253 penyertaan pelajar secara keseluruhannya. Majlis penutup program FESTBA telah diadakan pada 16 Jun 2023 secara bersemuka di Dewan Kuliah 200 (LT200) UiTM Kampus Kuala Pilah dan dirasmikan oleh Dr. Sharifah Sheha Syed Aziz Baftim, Ketua Pusat Pengajian Bahasa, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Pihak penganjur mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Kampus Kuala Pilah yang telah memberi kelulusan untuk menjalankan program ini menggunakan Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA). Tidak lupa juga, ucapan terima kasih diberikan kepada penyelaras program merangkap penasihat Persatuan Bahasa Arab dan Eagles English Club UiTM Kampus Kuala Pilah, ahli jawatankuasa pelajar (PBA dan Kelab EAGLES) dan ahli jawatankuasa pensyarah (pensyarah Akademi Pengajian Bahasa Kampus Kuala Pilah) kerana telah bersama-sama menjayakan program ini. Akhir sekali, ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pelajar yang telah melibatkan diri dalam pertandingan yang telah dijalankan. Segala sokongan dan komen positif yang diterima telah memberi impak yang besar kepada ahli jawatankuasa untuk memberikan komitmen yang lebih baik untuk program yang akan datang.

Kuiz Bahasa Arab (Berkumpulan)



Al-Tahjiah (Spelling Challenge) (Individu)




Spell it Right! (Spelling Bee) (Individu)



A Way 2 Be A Reporter (Teleprompter Challenge) (Individu)



Kuiz Mandarin (Berkumpulan)



Kaligrafi Cina (Individu)



Explorace (Berkumpulan)



Pilahdelphian's Voice (Berkumpulan)



Majlis Penutup Program FESTBA 2023

